

Benteng Hanan  
17/1/08 (Khamis)

## 200,000 tak bayar PTPTN dilarang ke luar negara

**K**UALA TERENGGANU: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyerahkan senarai 200,000 individu yang ingkar membayar balik pinjamannya kepada Jabatan Imigresen bagi menghalang mereka ke luar negara, termasuk untuk mengerjakan haji atau umrah.

Pengerusi PTPTN, Datuk Razali Ismail, berkata pihaknya sudah meminta Jabatan Imigresen tidak membenarkan penama dalam senarai itu ke luar negara sebelum merujuk mereka kepada perbadanan berkenaan.

Senarai nama peminjam ingkar itu juga akan dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang akan mengenakan tindakan tatatertib terhadap mereka jika bertugas sebagai kakitangan awam.

"Daripada 534,000 peminjam di seluruh negara, hanya 40 peratus atau 324,000 yang menjelaskan pinjaman mengikut jadual manakala lebih 200,000 lagi masih tidak membuat sebarang bayaran, walaupun kebanyakannya bekerja.

"Kegagalan mereka membayar balik menyebabkan PTPTN kini dibebani hutang tertunggak berjumlah RM700 juta selain menghadapi masalah untuk menyalurkan pinjaman baru kepada mereka yang memerlukan," katanya selepas merasmikan Program Kecemerlangan Pendidikan Bagi Anak Yatim Parlimen Kuala Terengganu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ahmad, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Kanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), Tuan Din Tuan Mat. Pada majlis itu, Razali turut menyampaikan bantuan akaun SSPN kepada 260 pelajar anak yatim di kawasan Parlimen Kuala Terengganu.

PTPTN menyiapkan senarai akhir nama peminjamnya yang gagal membayar balik hutang mereka bulan lalu untuk diserahkan kepada Jabatan Imigresen.

Langkah itu diluluskan Mei lalu sebagai susulan kepada beberapa mekanisme yang sudah dilaksanakan PTPTN bagi memburu peminjam ingkar termasuk mengiklankan nama mereka melalui media, menyenarai hitam, menghadapkan ke mahkamah dan mengenakan caj perkhidmatan lebih tinggi.

Seksyen 22A Akta PTPTN memperuntukkan kuasa kepada Ketua Eksekutif PTPTN untuk mengeluarkan perakuan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen bagi melarang peminjam ingkar itu meninggalkan Malaysia sehingga mereka membayar balik hutang masing-masing.

Oleh Baharom Bakar